



PERCUMA 21 - 28 Mac 2014, 19 - 26 Jamadilawal 1435

ISU KHAS:
Pilihan Raya
Kecil N25
DUN Kajang
muka 5 - 12

Kerajaan Negeri
hulur bantuan
RM20,000 kepada
balu koperal
muka 15

Kerajaan Selangor mendoakan keselamatan penumpang serta anak kapal MH370 dan permudahkan usaha mencari dan menyelamatkan semua mangsa yang terlibat



Kajian UNISEL : 75.9% yakin Wan Azizah menang PRK Kajang

OLEH MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Kajian penyelidikan Universiti Selangor (UNISEL) mendapati calon Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail akan memenangi kerusi PRK N25 Kajang, pada 23 Mac ini.

Ketua Penyelidik dalam Kajian Soal Selidik Pola Pengundian dan Isu Semasa, Dr Muhammad Shamsinor Abdul Azzis, berkata, 75.9 peratus daripada 394 responden menyatakan keyakinan itu dalam satu kajian soal selidik yang dijalankan antara dari 12 Mac hingga 16 Mac.

Hanya 24.1 peratus responden menyatakan bahawa calon BN, Datin Paduka Chew Mei Fun akan menenangi PRK itu.

Sebanyak 61.4 peratus responden bersetuju Wan Azizah mempunyai kepimpinan yang baik, dan hanya 8.9 peratus sahaja percaya Wan Azizah seorang pemimpin yang lemah. 42.7 peratus meletakkan kepimpinan Wan Azizah di paras sederhana.

Sementara bagi calon BN, hanya 34.2 peratus menyakini kepimpinan beliau, berbanding 23.1 yang merasakan Chew Mei Fun seorang pemimpin yang lemah.

Kajian dijalankan Unisel itu meliputi responden daripada Melayu (65.4 peratus), Cina (18.8 peratus) dan India (14 peratus).



Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, bersama pimpinan Kerajaan Negeri melihat model HORAS di majlis pecah tanah projek itu

HORAS tingkat air mentah Selangor

SHAH ALAM - Projek khas Hybrid Off River Augmentation System (Horas) yang membantu meningkatkan bekalan air Selangor, selamat dirasmikan dalam satu majlis pecah tanah di Kampung Sungai Darah, Kuala Selangor, 16 Mac lepas.

Projek yang melibatkan pembinaan takungan seluas 166 hektar dan kedalaman 23.5 meter itu dirasmikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, dan turut disaksikan wakil

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dr Maximus Ongkili.

Dibina atas bekas lombong timah seluas 235 hektar, ia menggabungkan konsep Off River Storage (ORS) dan Horizontal Collector Well untuk mengumpulkan lebih air dari loji-loji rawatan sedia ada, sumber hujan dan sumber air bawah tanah.

"Kolam takungan Fasa 1 mampu menampung kapasiti air sejumlah 600 juta liter sehari (JLH) yang

kemudiannya dipamkan ke loji rawatan air yang berhampiran. Projek pertama ini dijangka siap sepenuhnya menjelang Julai 2015.

"Bagi Fasa 2 pula, Projek Horas ini dijangka mampu menampung 3,000 hingga 5,000 JLH menjelang 2020," menurut kenyataan Sekretariat Akhbar Pejabat Menteri Besar Selangor.

lihat muka 2 >>

Dari muka 1

Projek pertama seumpamanya di Malaysia


HORAS merupakan salah-satu daripada tiga tugas utama untuk menjamin bekalan air yang berterusan sementara menanti Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan-nya (LRAL2) siap dibina.

Kos pembinaan Horas secara kasar dianggarkan mencecah RM405 juta, melibatkan kerja mengorek kolam, pemasangan Reno Mattress, pemasangan sheet piles di tebing sungai, pembinaan stesen mengepam air mentah, dan penyediaan laluan keluar masuk.

Abdul Khalid berkata, Horas bukan sekadar menampung permintaan air di musim kemarau, tetapi juga

mengelakkan pembaziran air hujan dan mengelak risiko banjir di hilir sungai kerana ia melibatkan kerja-kerja pelebaran dan pendalaman sungai.

“Kos ini akan ditanggung secara kontra dengan nilai pasir yang akan dikeluarkan oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) yang dianggarkan sebanyak RM100 juta,” jelas kenyataan itu lagi.



TAKUNGAN KOLAM

KELUASAN:
235 hektar

KEDALAMAN:
23.5 meter

KAPASITI FASA 1:
600 juta liter sehari
(siap Julai 2015)

KAPASITI FASA 2:
3,000-5,000 juta
liter sehari (siap 2020)



RENO MATTRESS:
Sangkar wayar atau PVC berisi batu-batuan. Bertujuan melindungi tebing kolam dari hakisan. Seluas 1,930 meter. Tempoh hayat 50 tahun.

Ruang-ruang antara batu secara alami akan dipenuhi kelodak, seraya mengalakkan percambahan flora yang menguatkan struktur sangkar serta mengekalkan keseimbangan alam.

OFF RIVER STORAGE :


Menyalurkan air hujan dan lebihan air dari loji-loji rawatan sepanjang Sungai Selangor ke kolam takungan.



STESEN PAM :
Memuatkan peralatan untuk memindahkan cecair dari sumber ke takungan

HORIZONTAL COLLECTOR WELL :

Balang kedap air (caisson) dibina secara menegak ke dalam tanah dan di bawah paras permukaan sungai.



Pembuluh (conduit) melintang menghubungkan caisson dengan tanah aluvium yang menampung air hujan bertakung.

SUNGAI SELANGOR



SHEET PILES :

Pemasangan sheet piles mengelak air sungai meresap ke kolam takungan dan perlindungan tebing daripada hakisan. Sepanjang 3km.

Pelebaran dan pendalaman mengelak risiko banjir di penempatan hilir sungai. Sepanjang 3.8 km.

Pengambilalihan konsesi dan LRAL2 harus serentak

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Pembinaan projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihannya (LRAL2) hanya boleh diteruskan serentak dengan penstrukturisasi aset dan pengambilalihan operasi air daripada konsesi.

Keputusan tiga daripada empat konsesi menolak tawaran terakhir RM9.65 bilion pada 10 Mac lepas dibidas ramai pihak sebagai tamak dan melambatkan usaha menyelesaikan perkhidmatan air yang tempang di bawah pengurusan swasta.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata satu pertemuan dengan pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), diuruskan bagi membincangkan langkah susulan.

“Dengan cara itu, ketiga-tiga



Pengambilalihan konsesi mampu mengatasi krisis air di Selangor

projek akan dilakukan serentak, iaitu penyusunan semula pengambilalihan operasi air daripada konsesi,” katanya di sidang media seusai lawatan ke Majlis Perbandaran Kajang, (MPKj) baru-baru ini.

Sebelum ini, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bersetuju menguatkuasakan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air yang mewajibkan konsesi menyerahkan pegangan masing-masing

selaras dengan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai.

MoU itu menyatakan Kerajaan Persekutuan akan membantu Kerajaan Negeri mengambil-alih aset daripada konsesi yang berdegil, termasuk menyediakan suntikan dana RM2 bilion bagi tujuan itu, manakala Kerajaan Negeri akan membenarkan pembinaan LRAL2, seiring dengan penstrukturisasi yang dilakukan.

Selangor Kini difahamkan kedua-dua pemerintah masih mahu pihak konsesi akur dengan ketetapan secara rela, dengan mendahulukan keperluan lebih 7 juta pengguna yang menjadi mangsa kepada pengurusan mereka yang lemah.

“Kita sedang memudahkan (penstrukturisasi air) dan kalau

“

Dengan cara itu, ketiga-tiga projek akan dilakukan serentak, iaitu penyusunan semula pengambilalihan operasi air daripada konsesi

ABDUL KHALID
Menteri Besar

boleh tanpa perlu menggunakan (WSIA), tetapi situasi (air di Selangor) semakin meruncing,” kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Jawatankuasa Khas Pengangkutan Awam Selangor kaji kesesakan lalu lintas

SHAH ALAM - Jawatankuasa Khas Pengangkutan Awam Negeri Selangor yang ditubuhkan bagi mencari jalan mengatasi kesesakan lalu lintas akan mengadakan mesyuarat pertama, pada 25 Mac ini.

Ia akan dipengerusikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Exco Kerajaan Tempatan dan Penyelidikan, Datuk Teng Cheng Khim sebagai Timbalan Pengerusi.

“Jawatankuasa ini membuktikan komiten Kerajaan Negeri mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan terutama di bandar besar yang sentiasa berdepan masalah kesesakan lalu lintas.

“Ia juga sebagai sokongan terhadap usaha yang dijalankan pihak berwajib dalam meningkatkan kesedaran orang ramai supaya tidak terlalu bergantung kepada pengangkutan sendiri,” katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Selangor di Bangunan SUK, baru-baru ini.

Jawatankuasa itu dianggotai Jabatan



Perancangan Desa dan Bandar, Jabatan Keselamatan Jalan Raya Selangor, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Syarikat Prasa-

rana Negara Berhad dan Cityliner.

Turut menganggotainya adalah Datuk Bandar dan Yang Dipertua di ke-semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), serta

“

Jawatankuasa ini membuktikan komiten Kerajaan Negeri mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan terutama di bandar besar yang sentiasa berdepan masalah kesesakan lalu lintas

Adun Bukit Gasing, Rajiv Rishyakaran, Adun Rawang, Gan Pei Nei dan Taman Templer Zaidy Abdul Talib.

Dua ahli akademik, Prof Ir Mohamed Rehan Karim dari Universiti Malaya (UM) dan Prof Zakaria Ahmad dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan bertindak sebagai penasihat.

Mesyuarat akan diselenggarakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) dengan kerjasama Pejabat Menteri Besar.

Keluar mengundi, menangkan Kajang

Tanggal 23 Mac ini, seramai 38,965 pengundi DUN Kajang



Selangorkini
EDITORIAL

akan membuang undi bagi memilih Adun yang baru.

Maka, mengundi dengan bijak.

Kegagalan mengekalkan kerusi yang dimenangi dengan majoriti 6,842 undi itu tidak dapat diterima akal. Malah, kemerosotan majoriti juga terlalu pahit untuk ditelan.

Kerana calonnya bukan calang-calang orang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail, adalah Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), isteri kepada tokoh reformasi, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pengarah Jentera Pilihan raya Kecil (PRK) pula ialah Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Menteri Besar Selangor yang melonjakkan sistem pentadbiran kerajaan ke tahap gemilang.

Jadi, lupakan dulu soal lain-lain. Menang dulu DUN Kajang.

Jangan sampai BN menjadikan Kajang sebagai tapak mengganggu gugat pentadbiran Pakatan Rakyat di Selangor.

Memang tampak mudah. Malah, hasil kaji selilik Universiti Selangor (Unisel) juga mendapati BN kesempatan ruang untuk mencelah, seterusnya meraih kemenangan.

Kajian itu juga menunjukkan 75.9 peratus responden yakin Wan Azizah mampu menang. Kajian sama pula mendapati 63 peratus responden mahu Abdul Khalid kekal menerajui negeri ini.

Untuk menjadikan kajian itu sebagai realiti, kemenangan Kajang bukan sahaja perlu, bahkan majoriti harus ditingkat supaya dapat mendiamkan sembang kencang penyokong BN.

BN mula menaruh keyakinan apabila Anwar tidak layak bertanding gara-gara mahkamah diperalat apabila tarikh bicara dipercepat, seterusnya memenjarakan Penasihat Ekonomi Negeri Selangor itu.

Namun, kemenangan tetap boleh dilakukan sekalipun jumlah pengundi awal 'ditambah' dari 300 kepada 1,187 orang. Sekalipun risalah fitnah disebar merata-rata. Meskipun telefon bimbit 11 pemimpin PKR digodam untuk memecah belah perpaduan pimpinan Pakatan Rakyat.

Semua itu tidak akan berhasil kerana pengundi tidak mudah mempercayai fitnah berbanding kebajikan yang diberi depan mata melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Namun, untuk menang perkara pertama yang wajib dilakukan ialah keluar mengundi.

Ketua Pengarang

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafiih Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com

Negara di penghujung fasa panas dan kering - MetMalaysia

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Status semasa kapasiti empangan di Selangor ketika ini dijangka beransur pulih setelah kitaran Monsun Timur Laut beralih ke Monsun Peralihan penghujung bulan ini, kata Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Menurut agensi itu, monsun peralihan akan membawa taburan hujan yang lebih menyeluruh terutamanya pada waktu petang dan awal malam

di kawasan pendalaman Semenanjung Malaysia.

"Berdasarkan arah tiupan angin pada ketika ini, kita masih berada di penghujung Monsun Timur Laut," jelas MetMalaysia.

Cuaca panas dan kering sepanjang dua bulan lalu merupakan keadaan yang normal semasa fasa akhir Monsun Timur Laut. MetMalaysia berkata keadaan bagaimanapun agak ekstrem kali ini ekoran sistem cuaca tropika yang ke-

biasaannya berada di timur Malaysia berganjak ke barat Laut Pasifik, lantas menyebabkan jumlah hujan yang kurang akibat keadaan atmosfera yang stabil.

Menyentuh mengenai jerebu pula, MetMalaysia berkata kualiti udara dijangka jauh lebih baik dengan kedatangan Monsun Peralihan.

"Cuaca adalah lebih lembab pada musim ini dan keadaan ini dijangka tidak akan menghasilkan jerebu," katanya.

Pengewapan punca tiada peningkatan air di empangan

SHAH ALAM - Kadar hujan yang kurang di kawasan tadahan, selain faktor pengewapan yang tinggi ekoran cuaca panas sejak kebelakangan ini, menjadi penyebab tiada peningkatan kapasiti air di empangan, kata Lembaga Urus Air Selangor (Luas)

Pengarahnya, Md Khairi Selamat bagaimanapun berkata, sehingga kini kapasiti takungan kesemua empangan di Selangor berada atas paras kritikal.

"Berdasarkan pemantauan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) sehingga 18 Mac lalu, kapasiti empat daripada tujuh empangan di negeri Selangor berada bawah paras 70 peratus.

"Manakala enam lagi empangan yang lain tiada peningkatan kapasiti air berikutan kadar hujan yang kurang dan tidak memberikan kesan yang signifikan kepada kapasiti empangan," jelasnya dalam satu kenyataan kepada SelangorKini.

Untuk rekod, setakat 18 Mac Empangan Klang Gates mencatatkan kapasiti 51.30 peratus, Empangan Langat 58.05 peratus, Empangan Sungai Selangor 38.97 peratus dan Empangan Sungai Tinggi



pada kapasiti 68.26 peratus.

Walau bagaimanapun, hanya kapasiti Empangan Klang Gates sahaja yang menunjukkan sedikit peningkatan daripada 51.16 peratus pada 15 Mac kepada 51.30 peratus pada 16 Mac dan ia kekal pada paras yang sama sehingga ke hari ini.

Sementara, kapasiti bagi tiga empangan lain iaitu Empangan Batu, Empangan Semenyih dan Empangan Tasik Subang masing-masing berada pada tahap melebihi 70 peratus pada tarikh yang sama.

Pada 15 dan 16 Mac lalu, Luas dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berjaya melakukan pembenihan awan dengan kadar hujan yang direkodkan antara 3mm hingga ke 22.5mm.

Justeru, Luas dengan ker-

jasama MetMalaysia dan pihak swasta terlibat akan melakukan pembenihan awan yang lebih intensif bagi meningkatkan kadar hujan di kawasan tadahan Empangan.

"LUAS telah mengarahkan pihak operator untuk mengurangkan pelepasan air daripada Empangan Sungai Selangor secara berperingkat daripada 100 juta liter sehari (JLH) kepada 500 JLH.

"Ini pula diikuti dengan meningkatkan pelepasan daripada Empangan Sungai Tinggi di antara 100 JLH hingga ke 200 JLH daripada jumlah pelepasan maksimum 1200 JLH untuk menyeimbangkan pelepasan air empangan bagi keperluan dan memanjangkan hayat simpanan takungan Empangan Sungai Selangor," katanya.

PILIHAN RAYA KECIL N25 DUN KAJANG

LAPORAN OLEH NAZLI IBRAHIM, AFEEQA AFEERA, NORHAYATI UMOR, LIZAWATI MADFA & NORFARAHIDAYU BAHARUDIN
FOTO OLEH REMY ARIFFIN, ASRI SAPIE & SHUAIB AYOB

SATU laporan polis dibuat ekoran penyebaran risalah berniat jahat yang memburukkan calon PR, Datuk

Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Risalah bertajuk "10 Sebab Mengapa Perlu Tolak Wan Azizah" dan "Fitnah SPR Pakatan Burukkan Daftar Pemilih" dikesan diedarkan di sekitar Kajang pada 14 Mac lepas.

Risalah fitnah di Kajang

Laporan difailkan oleh Ketua Penerangan PKR Selangor, Shuhaimi Shafei dan ahli majlis pimpinan tertinggi PKR, Khalid Jaafar.

Penyebaran risalah itu menyalahi Akta Kesalahan Pilihan Raya

1954 (11) (1c),

yang membawa kepada denda tidak lebih RM2,000 dan dan penjara tidak lebih setahun.



Saya bukan boneka Anwar



SUASANA hujan renyai membasahi bumi Kajang menemani kempen calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam sesi walkabout bersama penduduk sekitar.

Lebih menarik, sesi walkabout di Pasar Awam Sungai Chua itu turut disertai Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng yang turun ke Kajang sebagai tanda sokongan terhadap calon Pakatan Rakyat (PR).

Kesempatan itu diambil pengunjug dan peniaga untuk menyapa Kak Wan, yang juga isteri kepada Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam ucapan ringkasnya, Wan Azizah menegaskan, beliau bukan boneka atau 'puppet' dengan menyertai PRK DUN Kajang bagi menggantikan Datuk Seri Anwar sebaliknya mahu menggunakan pengalaman sebelum ini bagi memberikan bakti kepada

masyarakat Kajang.

"Jangan kata saya puppet. Saya bukan puppet. Saya ingin bantu selesaikan masalah di Kajang dan harap anda semua mengundi saya, pada 23 Mac ini," katanya yang turut berbesar hati dengan kehadiran Guan Eng.

Turut kelihatan jentera kempen Barisan Nasional (BN) yang tiba di lokasi sama selepas Wan Azizah selesai mengadakan sesi ramah mesra bersama peniaga.

Bekas pesakit teruja jumpa Kak Wan

LAWATAN calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) N25 Kajang, Wan Azizah Wan Ismail ke Pasar Kajang, dikejutkan dengan sapaan bekas pesakitnya yang teruja dapat bertemu pemimpin itu.

Salbiah Bakar, 67, berkata dia tidak menyangka dapat bertemu dengan Wan Azizah yang pernah melakukan pembedahan keatasnya.

Dia yang tiba-tiba menyapa Wan Azizah kelihatan teruja sebelum memeluk pemimpin berkenaan sambil menyatakan sokongan terhadap Presiden PKR itu pada PRK yang bakal berlangsung, pada 23 Mac ini.

"Pertemuan itu sudah berlangsung sangat lama sekitar 1980-an sewaktu saya membuat pembedahan membuang batu karang di Hospital Kuala Lumpur dan ketika itu saya bertugas di Keramat.

"Tidak sangka dapat bertemu beliau lagi kerana saya



Pertemuan itu sudah berlangsung sangat lama sekitar 1980-an sewaktu saya membuat pembedahan membuang batu karang di Hospital Kuala Lumpur dan ketika itu saya bertugas di Keramat

SALBIAH BAKAR
Bekas pesakit batu karang

tinggal di Taman Jasmin dalam kawasan ini (Kajang). Ya, saya akan memberi sokongan kepada beliau (Wan Azizah) dalam PRK nanti," katanya.

Wan Azizah kelihatan gembira dapat bertemu bekas pesakitnya itu dan mereka dilihat berbual mesra selepas disapa Salbiah dalam sesi lawatan berkenaan.

Keselamatan dan prasarana diberi tumpuan khusus



OLEH HAFIZAN TAIB

ISU kewangan merupakan antara kesulitan yang perlu diatasi untuk menyelesaikan masalah penyelenggaraan cerun

Taman Bukit Saga Jaya.

Adun Teratai, Tiew Way Keng, berkata meskipun begitu, pejabatnya bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan pihak berwajib lain sentiasa berusaha untuk mengatasinya.

Menurut beliau, keselamatan rakyat di bawah jaguannya menjadi keutamaan.

“Kita sudah mulakan sejak tahun lalu walaupun tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, namun usaha akan terus dijalankan,” katanya, yang menambah beliau akan terus memaklumkan situasi di cerun Taman Bukit Saga Jaya kepada Kerajaan Negeri secara berterusan.

Way Keng juga merancang,



melebarkan berapa batang jalan raya bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memudahkan aliran keluar-masuk sumber di kawasanannya.

“Kesesakan lalu lintas antara aduan diterima PKM DUN dan kita akan berusaha dengan kerjasama pihak berkuasa untuk mengatasinya,” katanya.

Antara isu yang turut diberi perhatian khusus adalah naik taraf prasarana awam di kawasan perumahan, terutamanya Dewan Orang Ramai Taman Bukit Teratai yang musnah terbakar.

“Dewan itu penting untuk kegunaan penduduk kawasan itu. Banyak program dijalankan kini dipindahkan ke kawasan lain termasuk di surau. Kita akan cuba membantu membina dewan yang baru,” katanya yang menganggarkan kos kira-kira RM300,000 untuk pembinaan dewan berkenaan.

TIEW WAY KENG ADUN TERATAI

Umur : 33 Tahun

Tarikh Lahir : 28 April 1981

Tempat Lahir : Taman Star,

Kuala Lumpur.

Status : Bujang

PENDIDIKAN

- Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chiao Nan, Kuala Lumpur.
- Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chong Hwa, Kuala Lumpur.
- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Universiti Malaya (2001).

JAWATAN DALAM PARTI

- Penolong Ketua Pemuda DAP Kebangsaan.
- Timbalan Ketua DAPsy Selangor.
- Ahli Jawatankuasa Wanita DAP Peringkat Kebangsaan dan Negeri Selangor.

Politik baru untuk perubahan

TIEW WAY KENG menjelaskan perubahan politik yang berlaku di negara ini sejak beberapa tahun lalu banyak membawa kebaikan kepada rakyat.

Beliau berkata, perubahan itu menyaksikan kerajaan sedia ada seperti Kerajaan Negeri perlu meningkatkan tahap perkhidmatan menjadi lebih baik berbanding sebelumnya.

“Keadaan yang berlaku ini mewujudkan sistem semak dan imbang yang baik antara kerajaan dan pembangkang demi kebaikan rakyat.

“Gabungan PKR, DAP dan PAS dalam Pakatan Rakyat (PR) yang mencetuskan perubahan ini sudah ditunggu lama oleh banyak pihak. Sekarang ia terbukti berhasil,” katanya.

Way Keng mengambil contoh Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang memberi manfaat kepada lebih 70 peratus warga emas di DUN Teratai yang menyertainya.

“Jom Shopping SMUE contohnya disukai peserta kerana mereka dapat turut serta dalam aktiviti itu dan dapat hasilnya secara terus, terutama di musim perayaan.



Bersama penerima baucar Jom Shopping sempena perayaan Deepavali

“SMUE memang meninggalkan kesan kepada peserta dan pewaris. Daripada maklum balas diterima, memang majoriti menyokong skim ini,” katanya.

Selain itu Skim Mikrokredit Mis-

kin Bandar (Mimbar), Intensif Perkahwinan Belia, Hadiah Anak Masuk Universiti serta skim lain turut mendapat sambutan memuaskan daripada pelbagai lapisan masyarakat di situ.

Pelbagai program anak muda diaktifkan



Tiew Way Keng turun padang bersama anak muda.

Kanan: Bersama meraikan kejayaan pelajar

Bawah: Bersama-sama dengan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, menghadiri bengkel Pendidikan Untuk Pelajar Lepas SPM

PELBAGAI program dan aktiviti mem-babitkan golongan muda dan belia diperbanyakkan di DUN Teratai terutama khidmat nasihat dan bimbingan pendidikan dan kerjaya.

Tiew Way Keng berkata, Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN pernah

menganjurkan program Pendidikan dan Ekonomi (Education and Economy - EAE) tahun lalu dengan penyertaan ramai peserta dari pelbagai lapisan masyarakat.

“Kita merancang banyak program berfaedah untuk mereka sertai dan EAE ini turut mendapat kerjasama daripada Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli selain “Jobfare” yang mana anak muda boleh mendapat maklumat mengenai kerjaya diminati mereka.

“Kita juga mengadakan selalu aktiviti sukan seperti futsal dan badminton supaya anak muda dan belia boleh mengisi masa lapang secara berhemah,” katanya.

Beliau berkata, lebih 50 peratus belia di DUN itu menyertai aktiviti dijalankan dan golongan terbabit akan terus diberi perhatian dengan penganjuran program akan datang.

Bagi golongan lain termasuk wanita, Way Keng berkata, pihaknya tidak melupakan dengan penganjuran program bimbingan dan kemasyarakatan untuk disertai mereka.

Katanya, PKM DUN Teratai akan terus menjalankan pelbagai program untuk membolehkan kumpulan sasaran menyertainya dan mendapat manfaat berkenaan.

“Kita akan terus berusaha untuk kebaikan semua pihak terutama bagi membantu mereka meningkatkan kerjaya dan pendapatan isi rumah,” katanya.



Tiada masalah dalam pergaulan

TIEW WAY KENG tidak sesekali membataskan pergaulan dengan masyarakat di DUN diwakilinya kerana kaedah itu akan mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin.

Sejak diangkat menjadi wakil rakyat tahun lalu, dengan penampilan bersahaja, beliau diterima baik oleh masyarakat berbilang kaum termasuk orang Melayu Islam.

“Pengundi di DUN Teratai mem-babitkan semua kaum dengan peratusan hampir sama antara orang Melayu dan Cina. Bagi saya, ia bukan masalah kerana saya mewakili semua yang ada di sini.

“Saya jalankan kerja untuk semua. Selain orang Cina, saya juga mendampingi orang Melayu dan India serta yang lain dalam pelbagai aktiviti diadakan,” katanya yang gem-bira dengan sambutan masyarakat setempat terhadap dirinya.

Way Keng berkata, pihaknya juga tidak pernah mencampuradukkan soal agama di dalam pergaulan ker-



Berjumpa Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat, sewaktu berkunjung ke Kelantan

ana isu berkenaan dianggap boleh menimbulkan salah faham.

Malah, katanya, perbincangan secara berhemah sentiasa dilakukan demi memelihara hubungan baik antara semua pihak di kawasan berkenaan.

“Dalam hal ini contohnya agama Islam, saya akan membawa satu rombongan ke Kelantan pada Rabu

(5 Mac) ini untuk mendapat penerangan dan gambaran jelas mengenai sistem pentadbiran Islam daripada kerajaan Kelantan.

“Itu janji saya bila terpilih sebagai Adun di sini kerana dalam kempen pilihan raya lalu barisan pembangkang (BN) memberikan gambaran yang salah mengenai perkara ini kepada umum,” katanya.



Persediaan dan edaran bubur lambuk di Kampung Cheras Baru

PRK N25 DUN Kajang

8 | Selangorkini 21 - 28 Mac 2014



63% responden mahu Khalid kekal Menteri Besar Selangor

KAJIAN UNISEL

Oleh Mohd Ezli Mashut

SHAH ALAM - Satu kajian yang dijalankan sekumpulan penyelidik Universiti Selangor (Unisel) mendapati 63 peratus responden di DUN Kajang mahu Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim kekal menerajui negeri Selangor.

Fakta itu didedahkan Ketua Penyelidik dalam Kajian Soal Selidik Pola Pengundian dan Isu Semasa, Dr Muhammad Shamsinor Abdul Azzis terhadap 393 responden daripada pelbagai latar belakang, sepanjang 12 hingga 16 Mac lalu.

Dr Muhammad Shamsinor berkata, hanya 37 peratus mahu Menteri Besar ditukar ketika diajukan soalan adakah Selangor memerlukan pertukaran dalam kepimpinan Selangor dalam masa terdekat.

Kajian itu membabitkan



Dr Muhammad Shamsinor menerangkan kepada media tentang kajian yang dijalankan terhadap warga Kajang

60.3 peratus responden yang tinggal di DUN Kajang dan 39.9 peratus berada di luar Kajang.

Kajian itu menggunakan

kaedah kuantitatif dan kualitatif yang berobjektifkan menganalisis persepsi terkini pengundi DUN Kajang terhadap kepimpinan Abdul

Khalid.

Ia juga menganalisis persepsi pengundi Kajang terhadap isu semasa yang mampu mencorakkan pola pe-

ngundian dan adalah kesinambungan daripada kajian pilihan raya di Selangor, pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lalu.

Tangga teratas tahap kepimpinan baik

SHAH ALAM - Kajian Universiti Selangor (UNISEL) menunjukkan 69.4 peratus responden bersetuju Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mempunyai kepimpinan yang baik.

Disebalik pelbagai propaganda dari musuh politiknya, kajian itu mendapati hanya 6.5 peratus berpendapat Abdul Khalid pemimpin yang lemah. Baki 24.3 peratus responden berpuas hati dengan kepimpinan tokoh korporat itu.

"Kajian itu menunjukkan bahawa Abdul Khalid berada tangga teratas peratusan tertinggi yang menyatakan beliau

mempunyai kepimpinan yang baik dan ditangga kedua adalah Anwar," kata Ketua Penyelidik dalam Kajian Soal Selidik Pola Pengundian dan Isu Semasa, Dr Muhammad Shamsinor Abdul Azzis.

Kajian itu membabitkan 60.3 peratus responden yang tinggal di DUN Kajang dan 39.9 peratus berada di luar Kajang, iaitu 394 responden pelbagai latar belakang yang dijalankan, antara 12 sehingga 16 Mac lalu.

Bersaing rapat dengan Abdul Khalid ternyata Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim. 66.2 peratus responden bersetuju kepimpinan mantan

Timbalan Perdana Menteri itu baik, manakala 8.1 peratus berpendapat beliau pemimpin yang lemah.

Manakala calon PR, kepimpinan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail disifatkan baik oleh 62.4 peratus responden.

"Terakhir adalah calon BN di PRK Kajang, Datin Paduka Chew Mei Fun yang memperoleh 34.1 peratus," tambah beliau.

Mengatasi calon BN itu adalah Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak yang sekadar mendapat 'baik' daripada 41.6 peratus responden. Kira-kira 28.9 peratus menyifatkan kepimpinan Najib sebagai lemah.

70.4% responden yakin Pakatan Rakyat bijak urus kewangan

SHAH ALAM - Warga Kajang berpendapat urustadbir negeri Selangor diurus dengan baik oleh pentadbiran Pakatan Rakyat.

Kajian Universiti Selangor (UNISEL) mendapati 72.6 peratus responden menyakini integriti dan keberterangjawabannya Pakatan Rakyat, manakala hanya 6.1 peratus sahaja berpendapat sebaliknya.

Sebanyak 21.3 peratus responden berpuas hati dan melewatkan pada paras sederhana.

Dari segi pengurusan kewangan pula, 70.4 peratus

yakin ia diurus dengan baik, manakala hanya 5.4 berpendapat lemah. Sebanyak 24.2 responden berasakan sederhana.

Ketika ditanya apakah isu bekalan air Selangor berpunca dari Kerajaan Selangor, sebanyak 73.5 peratus menyatakan tidak bersetuju manakala 26.5 mengiyakannya.

Sementara itu, 62.9 peratus merasakan Kerajaan Negeri berjaya menguruskan isu-isu berbangkit dengan baik, manakala 7.7 peratus menyatakan lemah. 29.4 berpendapat sederhana.

Belajar hidup susah sebelum perlekeh Wan Azizah - Anwar

KAJANG - Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin Abu Bakar agar tidak memperlekehkan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Katanya, Khairy tidak layak berbuat demikian sehinggalah beliau sendiri mengenali erti keadilan dan belajar cara hidup susah tanpa bergantung kepada kemewahan keluarga.

“Baru kena ugut tampar sudah panik, inikan pula mahu mempelekehkan Wan Azizah Wan Ismail yang sudah hidup susah dan kenal makna sebenar keadilan,” demikian kata Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada program ceramah di Kampung Baru Sungai



Murid-murid sekolah agama ini tidak melepaskan peluang beramah mesra dengan Wan Azizah, sewaktu beliau mengedar topeng kepada orang ramai

Chua, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Menteri Belia dan Sukan itu yang mengelar, Presiden PKR itu sebagai boneka di PRK N25 Kajang.

Mempertahankan isterinya, Anwar berkata Wan Azizah merupakan pelajar cemerlang

dalam jurusan kedokteran tanpa menggunakan pengaruh keluarga atau kuota.

“Kalau salah, hukum tak apa. 16 tahun setiap hari dimalukan.

“Jangan sombong. Ini hari ini kamu menteri, esok belum tentu lagi,” katanya.

Pertambahan pengundi awal meragukan

PERTAMBAHAN mendadak pengundi awal di DUN Kajang dari kira-kira 300 pengundi kepada 1187 membimbangkan PR.

Calon PR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, tambah meragukan apabila Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak membenarkan paman-tauan dilakukan parti bertanding ketika pengundi awal membuang undi.

Ketua Unit Operasi 1 PKR bagi PRK Kajang, Yahya Shaari memberitahu pertambahan itu berlaku selepas Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Jalan Cheras dimasukkan dalam kawasan DUN Kajang dalam persempadanan sebelum ini.

“Nampak peningkatan mendadak. Ini yang kita agak sangsi. Lazimnya pengundi awal nampak cenderung kepada Barisan Nasional (BN) sebab tidak ada pengawasan,” kata Dr Wan Azizah di satu acara di Kampung Sungai Kantan, baru-baru ini.

Proses pembuangan undi awal berlangsung tanpa gangguan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang, 19 Mac lepas.

Secara keseluruhannya seramai 1,197 orang pengundi membuang undi pada hari itu.

Pusat mengundi mula dibuka sekitar jam 8.00 pagi dengan 691 orang pengundi berdaftar yang terdiri daripada anggota polis menjalankan tanggungjawab membuang undi.

RAKAN RESIDENCE
@ Taman Rakan Cheras

PENGALAMAN EKSKLUSIF
KESELESAAN & RUANGAN
RUMAH TERES 2 TINGKAT
BATU 11, CHERAS
012-689 0556

NO. LESEN PEMAJU : 12208-1/10-2014/0780(L) | TEMPOH SAH : 04/10/2013-03/10/2014 | NO PERMIT IKLAN : 12208-1/10-2014/0780(P) | TEMPOH SAH : 04/10/2013-03/10/2014 | PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS PERBANDARAN KAJANG | NO RUJUKAN : MPK 6/P/76/2011 | TARIKH DIANGKA SIAP : Oktober 2014 | PEGANGAN TANAH : PAJAKAN 99 TAHUN | TARIKH TAMAT TEMPOH PAJAKAN : 28 NOVEMBER 2111 | BEBANAN TANAH : TIADA | JUMLAH UNIT : 40 UNIT | HARGA (MIN) : RM650,000 | HARGA (MAX) : RM850,000 | SEKATAN KEPENTINGAN : TANAH INI BOLEH DIPINDAHMILIK, DIPAJAK ATAU DIGADAI SETELAH MENDAPAT KEBENARAN PIHAK BERKUASA NEGERI | SAIJ TANAH : 20' x 65' | RUMAH TERES : RUMAH TERES 2- TINGKAT | DISKAUN BUMIPUTERA : 7%

Pemaju: SPEED WORK ENTERPRISE SDN BHD
Alamat: 8b-1, Tingkat 1, Jln Sg.Besi, 57100, Kuala Lumpur No.Tel: 03-92222550 No. Fax: 03-9222441



Anwar memperkatakan sesuatu kepada Wan Azizah
Kiri: Wan Azizah meluangkan masa menziarahi pesakit di Hospital Kajang

Hebahan fitnah Kerajaan Selangor dikesan di Kajang

SHAH ALAM - Satu hebahan palsu di-edarkan kepada masyarakat di Kajang dikesan dipercayai cuba mengeruhkan hubungan baik antara Kerajaan Selangor dan rakyat negeri ini.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita Selangor, Rodziah Ismail berkata hebahan yang menggunakan logo Selangorku, PKR, PAS dan DAP itu juga dipercayai di-edarkan dengan tujuan meraih undi dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang nanti.

"Hebahan ini sangat jelas direka seseorang yang tidak cerdas akalinya dan jauh dari mempunyai sikap cermat dan teliti mengenai hebahan dari sebuah Kerajaan Negeri.

"Sudah pasti ia bukan hebahan yang dikeluarkan oleh mana-mana Pejabat Exco Kerajaan Negeri kerana terdapat banyak kecacatan format, bahasa dan informasi," menurut kenyataan media baru-baru ini.

Antara kandungan hebahan palsu itu termasuklah 'janji kerajaan negeri' mengurang-



kan cukai pintu sebanyak 20 peratus, memberi elaun kepada ibu tunggal, menyediakan skim Takaful bernilai RM2,500 kepada warga emas, ibu tunggal dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Rodziah juga menemplak pihak tidak bertanggungjawab itu sebagai amat dangkal dan mempamirkan kecerdasan yang sangat lemah berikutan syarat skim kerajaan negeri di dalam hebahan itu dilihat sebagai 'tangkap muat' sahaja.

Beliau turut menggesa orang-ramai membantu Kerajaan Negeri mengesan pihak tidak bertanggungjawab itu dengan menyalurkan maklumat ke talian 03-5544 7622 atau balai polis berhampiran bagi membolehkan di bawa ke muka pengadilan.

BUMIPUTRA SAHAJA

RUMAH TERES 3 TINGKAT



Bayu Heights

Free living like a hummingbird

berhampir@n THE MINES

- 5 Bilik Tidur Besar
- 4 Bilik Mandi



RUMAH BERILHAMKAN TAMAN
KAWALAN SEKURITI 24 JAM

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami

603 8942 2448

011 1661 8000

atau kunjungi Galeri Jualan kami : Isnin-Sabtu : 10pg - 5ptg
Temujanji diaturkan untuk pelanggan pada Hari Ahad dan Cuti Umum

HAK MILIK KEKAL
7% Diskaun Bumiputra



Peta Lokasi

Pemaju : BISON VENTURES SDN BHD (02206-V)
22, Jalan Budiman, Taman Putra Budiman,
43200 Seri Kembangan, Selangor D.E.

Agen eksklusif: Wang Lai Realty

GAMBAR ADALAH UNTUK TUJUAN ILLUSTRASI SAHAJA - NO. LESEN PEMAJU : 11981-1/04-2015/496 - TEMPOH SAH : 20/04/2012-19/04/2015 - PERMIT IKLAN DAN JUALAN : 11981-1/12-2014/0131491 - TEMPOH SAH : 12/12/2013-11/12/2014 - NO. IZINAN PELAN BANGUNAN : MPK/26/2012 - TARIKH CUANGKA SIAP : JANUARI 2015 - SEKATAN HAK MILIK : TIADA - HAK MILIK : PEGANGAN BEBAS - JUMLAH UNIT : 56 UNIT - HARGA : RM388,000(MIN) - RM988,000(MAX) - DISKAUN BUMIPUTRA 7%

OLEH DYANA SOFYA

Kak Wan – Erti wanita sebenar, contoh srikandi unggul

Sejak sesi Parlimen bersambung semula, rakan-rakan saya dari seluruh negara, YB dan bukan YB, memenuhi ibu kota untuk menjalankan tugas mereka.

Dengan sedikit masa yang ada, kami sempat ke pawagam dan rakan memilih untuk menonton '300: Rise of An Empire (amaran spoiler!), sebuah filem yang berdasarkan mitologi Greek. Walaupun saya tidak menonton siri pertamanya (ya, ya, salah saya), jangkaan saya ia adalah filem yang penuh-testosterone, dengan adegan manusia

berlumuran darah dan paparan otot lelaki yang berlebihan tanpa sebab. Ia bukanlah cita rasa saya, namun saya memilih untukertainya.

Selepas beberapa minit wayang bermula, kami diperkenalkan dengan dua wanita hebat, Permaisuri Gorgo yang lemah lembut dan Artemisia yang bijak dan manipulatif. Kedua-duanya adalah komander kepada armada ribuan askar

dan mengenakan gaun labuh yang memukau ketika perang. Keberanian dan kekuatan mereka lahir daripada latar yang kejam. Saya tidak akan ceritakan di sini sebab anda perlu menonton sendiri kisah yang menghiburkan ini.

Nusantara kita juga tidak ketandusan pahlawan wanita. Misalnya, Tun Fatimah membantu Bendahara Tun Perak ketika menentang Portugis pada awal abad

ke-16. Tengku Tengah dari Johor berani mengangkat pedang berhadapan dengan penentang ayahandanya, dan memulihkan maruah ayahandanya dengan bersekutu bersama Bugis.

Di Kelantan, Cik Siti Wan Kembang dipercayai memerintah negeri itu antara 1548 dan 1580, serta dikenali dengan kecantikan dan kebolehannya ke medan perang dengan bersenjatakan pedang dan memimpin askar wanita berkuda.

Berkenaan Permaisuri Gorgo dan Artemisia, kedua-duanya dikalahkan pada satu ketika dalam hidup mereka, serta diuji dengan rantaian dugaan dan penderitaan. Namun, mereka bangkit semula dan menjadi lebih kuat daripada sebelumnya.

Seperti yang pernah diungkapkan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, "lap air mata, teruskan perjuangan".

Baru-baru ini, Kak Wan (panggilan mesra kepadanya) dinamakan sebagai calon Pakatan Rakyat (PR) untuk Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang dan akan berhadapan dengan Chew Mei Fun daripada MCA.

Seperti yang kita semua tahu, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sepatutnya menjadi calon sehinggalah beliau dihukum penjara lima tahun. Sejarah hodoh tentang sabitan Anwar pada 1998 berulang kembali dan Pakatan perlu mencari strategi yang lain.

Kak Wan dilihat mengelap air mata ketika mahkamah membacakan keputusan, seperti semua wanita lainnya. Ia menyentuh perasaan ramai. Rakyat Malaysia, terutama wanita tanpa mengira latar, mengagumi keberanian, kekuatan dan kesetiaan beliau, serta keteguhan untuk mengharungi cabaran yang seperti tidak berpenghujung untuk bertahun-tahun lamanya. Saya berusia sebelas tahun ketika suaminya itu pertama kali dipenjara.

Letakkan diri kita di tempatnya, dan kita barangkali tidak akan dapat mengharungi pengalaman pahit itu.

Daripada isteri kepada Timbalan Perdana Menteri, beliau



menjadi isteri kepada bekas banduan dan kini suaminya mungkin kembali dipenjarakan. Daripada mengasingkan diri di bilik, Kak Wan sebaliknya tabah. Beliau tidak mengelak untuk berhadapan dengan dunia, atau menangis teresak-esak seperti apa yang akan terjadi kepada kita semua.

Tidak untuk beliau. Ketika Kak Wan boleh menghabiskan beberapa bulan ini bersama suaminya yang mungkin akan dipenjarakan nanti, beliau memutuskan untuk bertanding dalam satu PRK yang paling getir. Beliau memilih untuk menawarkan dirinya kepada rakyat sekali lagi dan menjadi suara di DUN Selangor. Kak Wan tidak pernah putus asa.

Malah, kata-kata beliau di Konvensyen Pakatan Rakyat ke-5 – "Walau sugul di hati, semangat masih tinggi".

Kak Wan tidak pernah menjadi 'boneka' cantik berbaju kurung. Beliau adalah pengertian sebenar wanita, contoh unggul kepada kata 'srikandi'. Wanita ini, tanpa mengira kecenderungan politik, wajar menerima sanjungan tinggi dan sokongan tidak berbelah bahagi kita semua. Seperti kata pepatah Melayu, "Tangan yang menghayun buaian, mampu menggoncang dunia".

Nah, siapa kata anda tidak boleh turun berperang dengan berbaju kurung? Namun, perlu saya tambah di sini, tak perlulah 'angkat kain' atau 'menyinsing lengan'. Selamat Hari Wanita Sedunia.

Diterjemahkan oleh Aedi Asri daripada tulisan asal berbahasa Inggeris. – Rokatini.com



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
PENERIMAAN DAN PEMERIKSAAN AWAM RANCANGAN
TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
(PENGUBAHAN 2) 2020**

PEMBERITAHUAN

Menurut subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), dengan ini adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah memberi persetujuan pada 9 Oktober 2013 kepada **Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Sepang (Pengubahan 2) 2020** untuk diterimapakai melalui **No. Warta 128** pada **16 Januari 2014**.

DAN Bahawasanya **Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Sepang (Pengubahan 2) 2020-Pindaan Blok Perancangan (BP) BP 1, BP 2, BP 3, BP 4, BP 5, BP 7 dan BP 8** seperti mana yang dikehendaki oleh subseksyen 15 (4) adalah dibuka untuk diperiksa oleh orang ramai pada waktu pejabat di:

1. Majlis Perbandaran Sepang, Tingkat 4, Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 Cyberjaya
2. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, Tingkat 16, Bangunan Darul Ehsan, No.3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40646 Shah Alam

YANG DIPERTUA
Majlis Perbandaran Sepang
Persiaran Semarak Api
Cyber 1
63200 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

FESTIVAL ANTARABANGSA PETALING JAYA 2014

Bakal Ketengah Tema Kesenian Antarabangsa



Buat pertama kalinya Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Majlis Antarabangsa Festival dan Pertubuhan Kesenian Rakyat (CIOFF) akan menganjurkan Festival Antarabangsa Petaling Jaya bertemakan Kesenian Rakyat bermula 17 hingga 23 Jun 2014.

Sebanyak 26 penyertaan dari luar negara dijangka akan memeriahkan penganjuran festival ini antaranya ialah Morocco, Lithuania, Jepun, Mauritius, Filipina, Mesir, Poland, Kanada, Thailand, Korea, Brazil dan New Zealand.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg Datin Paduka Alinah bt Ahmad berkata, pelbagai acara kebudayaan telah disusun termasuk perarakan budaya, persembahan kebudayaan, makan malam gala, sukan rakyat, jualan kraftangan antarabangsa dan makanan antarabangsa.

"Festival Kesenian Rakyat Antarabangsa memberi peluang kepada pencinta seni untuk menikmati keunikan, keaslian dan keindahan persembahan tarian kebudayaan oleh pelbagai etnik dunia.

"Ia juga bertujuan untuk mempromosi persefahaman, keamanan dan persaudaraan melalui budaya serta mempromosi pelancongan berasaskan budaya di kalangan negara-negara yang menyertai festival ini," katanya.

Alinah Ahmad berkata, selain itu festival ini juga dapat mempromosikan Petaling Jaya sebagai destinasi pelancongan menarik di Malaysia selaras dengan slogan "Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari"

Di samping itu, pihak penganjur juga telah menyediakan pelbagai program utama yang dilihat mampu untuk mendokong penganjuran festival ini seperti Xtreme Games, Tayang-an World Cup, pertandingan Penceriaan Lorong Belakang, Boulevard, Pertandingan



Brassband, Kempen Kepelbagaian Biologi, Sukan Rakyat serta Karnival Foodbank.

MBPJ turut mengorak langkah bagi mengembangkan aktiviti muzik jalanan (busking) sebagai bentuk seni yang sihat.

Inisiatif ini selaras dengan komitmen MBPJ untuk menyediakan masa depan lebih baik kepada generasi muda negara ini agar membuat keputusan yang selari dengan agama, undang-undang dan norma kehidupan masyarakat timur.

Persembahan muzik jalanan (buskering) yang diadakan di kawasan sekitar pentas mini Seksyen 52 ini merupakan usaha majlis bagi mengaktifkan semula suasana daya saing dan daya hidup Pusat Bandar Seksyen 52 di bawah program PJ Walk, iaitu satu inisiatif bagi mewujudkan ru-



ang awam berinteraksi yang mesra alam dan pengguna untuk semua lapisan masyarakat di samping memperkukuhkan imej dan identiti Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Sejahtera.

Sokongan padu dan penyertaan semua pihak merupakan intipati penting dalam memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya berdaya huni menjelang tahun 2030, ujar beliau.

Ia juga selaras dengan usaha

MBPJ bagi merancang aktiviti tahunan yang telah dirangka serta Tahun Melawat Malaysia 2014 yang merupakan acara sambutan pelancongan terbesar dan paling meriah di Negara ini.

Bandar besar dunia seperti Central Park, New York; Harajuku, Tokyo dan Covent Garden, London telah menjadi lokasi 'busking' yang terkemuka dan terkenal serta merupakan tarikan utama pelancong ke bandar berkenaan.

Justeru itu, penyediaan ruang bagi pemuzik jalanan ini berkarya dapat mewujudkan suasana kondusif kepada mereka dan pengunjug bagi menikmati seni berkenaan.

Di samping itu, pemuzik jalanan ini perlulah mematuhi beberapa peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis termasuklah penjagaan kebersihan dan masa persembahan.



MBPJ memberi peluang kepada golongan remaja untuk menyertai muzik jalanan

OLEH NORHAYATI UMOR

KLANG - Ibu bapa di Selangor perlu memainkan peranan yang lebih meluas untuk merangsang anak menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS).

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan negeri, Dr Halimah Ali, berkata pendekatan itu perlu diambil bukan sahaja untuk memantapkan pembelajaran anak-anak tetapi juga mengelakkan anak terabit dengan aktiviti tidak bermoral.

"Ini sebenarnya cara Kerajaan Negeri keluar daripada kepompong kemiskinan. Selain duit kita mahu bagi pendidikan masa depan yang lebih baik," katanya di program pelancaran PTRS dan motivasi keibubapaan anjuran Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) Selat Klang dan Pejabat ADUN Selat Klang di Dewan Putra, Kampung Delek Kanan, baru-baru ini.

Program PTRS diwujudkan pada Januari 2009 dengan pe-

PTRS mantapkan pendidikan anak-anak

runtukan RM3.4 juta setahun.

Setakat ini, seramai 93 pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan 80 pelajar bagi Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) menyertai PTRS di DUN Selat Klang bagi suku tahun ini.

"Kita tidak mahu anak tercicir dan berasa malu dengan pelajar lain seterusnya mula terabit dengan masalah sosial. Ada pelajar selepas menyertai PTRS yang mendapat 9A dan 12A, sedangkan mereka sebelum ini adalah pelajar yang tercicir.

"Oleh itu, sebagai ibu bapa kita perlu tahu bagaimana peranan ibu bapa membantu anak mencapai yang terbaik menggunakan peluang sedia ada," katanya.



Sebahagian daripada ibu bapa dan pelajar PTRS yang hadir pada Majlis Pelancaran PTRS dan motivasi keibu bapaan anjuran Koordinator Pembangunan Modal Insan

SUTERA DAMANSARA
Damansara's Latest Guarded Township

GAYA HIDUP BERPRESTIJ

OSK Property menjadi inspirasi ramai. Ciri-ciri produk pembangunan kami menyempurnakan kehidupan anda. Kunjungi galeri jualan terkini untuk merebut peluang mengubah gaya hidup anda.

MASA : 10 PAGI - 6 PETANG

TEMPAT : B-G-28, Block Bougainvillea, 10 Boulevard, Lebuhraya SPRINT, PJU 6A, 47400 Petaling Jaya, Selangor.
GPS: 3° 7.998', 101° 36.884'



Fasa 1 habis jualan, The Vale II kini dibuka untuk pendaftaran.



Unit terhad



Unit terhad

Pemaju SEMPONIA SDN BHD (593349-U) A Subsidiary of OSK Property Holdings Bhd (201666-D)
Ibu Pejabat 9th Floor, Plaza OSK, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel +603 2161 3322

Untuk Maklumat Lanjut
Laman Web

03 7725 6833 | 012 356 8311
www.suteradamansara.com.my

OSK
PROPERTY

Semporna Sdn Bhd (593349-U) • No. Lesen: Pemas: 10561 5407 001/6/006 • Tempoh sah: 11/12/2012-18/12/2018 • No. Permit Iklan & Jualan: 10561-5405-2013/011491 • Tempoh sah: 29/06/2013-28/06/2015 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Perancangan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Rujukan Perancangan: MB/P/12/100/5/116/2810010 • Perancangan Tanah: Pajakan 98 Talian (Tahap 1) • Tarikh Diijazahkan: 21/07/2015 • Bilangan Tanah: Public Bank Bhd • Jumlah unit (jumlah keseluruhan): 255 unit • Harga Jualan: min RM 1,270,000.00 - (max) RM 3,404,505 • Diskaun Berpajak: 7% • BERKATAN-SEKUTAN KEPENTINGAN: Tanah yang diperolehi ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau dipindah-pindah dengan hak milik atau hak milik bersama. Semua maklumat yang terdapat di sini adalah berdasarkan maklumat yang disediakan oleh pihak berkuasa berkaitan atau pihak-pihak yang tidak menjadi tanggungjawab kami atau pihak-pihak yang tidak menjadi tanggungjawab kami. Walaupun maklumat ini telah disediakan dengan cermat, namun pihak-pihak kami tidak boleh bertanggungjawab atas kesalahan yang dibuat. Sebagai maklumat, setiap maklumat yang terdapat di sini adalah berdasarkan maklumat yang disediakan oleh pihak-pihak yang tidak menjadi tanggungjawab kami atau pihak-pihak yang tidak menjadi tanggungjawab kami.

OLEH NAZLI IBRAHIM

KLANG - Sedih dan terharu. Demikianlah perasaan yang menyelubungi Norsalmah Nordi, 51, isteri kepada Allahyarham Koperal Raja Aizam Raja Mohid tatkala menerima sumbangan RM20,000 dari Kerajaan Negeri.

Norsalmah yang merupakan suri tangga sepenuh masa, ketika ini menumpukan perhatiannya bagi memastikan anak ketiga di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan anak keempat yang bersekolah di tingkatan lima menamatkan pengajian dengan cemerlang.

Dua lagi anak beliau baru sahaja menamatkan pengajian masing-masing di Universiti Multimedia Malaysia (UMM) Melaka dan Kolej Antarabangsa Ikip di Pahang.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Kamarul Zaman Mamat, berkata sumbangan itu amat bermakna buat Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Terima kasih kepada Kerajaan Selangor. Ini satu penghargaan dan penghormatan kepada wira kita khususnya dua anggota saya yang terlibat," kata beliau, di majlis penyampaian sumbangan di Surai Ar-Rahimiah, Pangsapuri Polis, baru-baru ini.

Pada 4 Mac lalu dalam kejadian di Taman Sentosa, Raja Aizam, dan rakan setugasnya, Mohd Aidil, bergelut dengan sekumpulan warga asing selepas diserang hendap kumpulan berkenaan ketika melakukan rondaan di kawasan perumahan itu.

Dalam kejadian itu, Raja Aizam meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke Hospi-



Kerajaan Negeri hatur bantuan RM20,000 kepada balu koperal

tal Tengku Ampuan Rahimah akibat kecederaan di kepala manakala Mohd Aidil cedera parah. Di atas keberanian beliau, Koperal Mohd Aidil Mustaffa menerima sumbangan bernilai RM10,000.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, berkata Kerajaan Negeri amat menghargai jasa dan pengorbanan anggota polis menjaga keselamatan negeri ini.

"Pengorbanan mereka terlalu besar dan tidak ternilai. Kami memahami bahawa sumbangan RM20,000 yang diberikan ini tidak setara dengan pengorbanan dan kehilangan yang dirasai keluarga Allahyarham.

"Cuma kita harap dapat bantu ringankan sedikit bebanan yang akan dipikul keluarga ini," kata Dr Halimah.

Pejabatnya akan bekerjasama dengan Pusat Pelaburan Negeri Selangor (SSIC) untuk membantu anak-anak Allahyarham mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan mereka.

"Peluang ini terletak kepada kekosongan jawatan yang ada dan kata putus juga terletak kepada syarikat-syarikat terbabit. Saya bantu dengan usaha apa yang termampu," katanya.

“

Terima kasih kepada Kerajaan Selangor. Ini satu penghargaan dan penghormatan kepada wira kita khususnya dua anggota saya yang terlibat

KAMARUL ZAMAN MAMAT
Ketua Polis Daerah Klang Selatan

WAKTU SOLAT SELANGOR							
21 - 28 MAC 2014							
19 - 26 JAMADILAWAL 1435H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
21 Jumaat	5:52	6:02	7:18	1:23	4:29	7:26	8:34
22 Sabtu	5:52	6:02	7:17	1:23	4:28	7:25	8:34
23 Ahad	5:51	6:01	7:17	1:23	4:27	7:25	8:34
24 Isnin	5:51	6:01	7:17	1:22	4:26	7:25	8:34
25 Selasa	5:50	6:00	7:16	1:22	4:25	7:25	8:34
26 Rabu	5:50	6:00	7:16	1:22	4:24	7:25	8:34
27 Khamis	5:49	5:59	7:15	1:21	4:23	7:24	8:33
28 Jumaat	5:49	5:59	7:15	1:21	4:22	7:24	8:33
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
21 Jumaat	5:54	6:04	7:20	1:25	4:31	7:28	8:36
22 Sabtu	5:54	6:04	7:19	1:25	4:30	7:27	8:36
23 Ahad	5:53	6:03	7:19	1:25	4:29	7:27	8:36
24 Isnin	5:53	6:03	7:19	1:24	4:28	7:27	8:36
25 Selasa	5:52	6:02	7:18	1:24	4:27	7:27	8:36
26 Rabu	5:52	6:02	7:18	1:24	4:26	7:27	8:36
27 Khamis	5:51	6:01	7:17	1:23	4:25	7:26	8:35
28 Jumaat	5:51	6:01	7:17	1:23	4:24	7:26	8:35

“

Pengorbanan mereka terlalu besar dan tidak ternilai. Kami memahami bahawa sumbangan RM20,000 yang diberikan ini tidak setara dengan pengorbanan dan kehilangan yang dirasai keluarga Allahyarham

HALIMAH ALI
Exco Pendidikan



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Gred, Kategori, Pengkhususan	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Membina Jambatan Ke-3, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan. JKR/SEL (N)004(T)/2014	T1 Kontraktor Diwajibkan Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor.	Bumiputera	CIDB, SPPK, PKK Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan: CE01,CE02 & CE21,	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. Pada 19.03.2014 (Rabu) Jam Sehingga 1.04.2014 (Selasa)	Lawatan Tapak WAJIB pada 19.03.2014 (Rabu) Jam 9.00 pagi dan 21.3.2014 (Jumaat) Jam 9.30 pagi. Kontraktor diminta berkumpul di JKR Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan. Sebarang Pertanyaan : 03-55447703	RM1,100.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor 14.04.2014 (Isnin) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di / Lembaga Pembinaan Pembangunan Industri Pembiayaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- *Jenis Pendaftaran:
- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
 - A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
 - A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
 - T2 - Tidak berkenaan



OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM- Rancangan menaik taraf Stadium Shah Alam supaya setanding stadium antarabangsa lain mendapat sokongan pelbagai pihak terutama peminat bola sepak di Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM140 juta bagi tujuan itu dengan RM70 juta disalurkan kepada fasa pertama, manakala bakinya bagi fasa kedua.

Fasa pertama melibatkan kerja menaik taraf keselamatan stadium seperti semakan ke atas sistem paip, sistem wayar, paip bomba dan kamera litar tertutup, manakala fasa kedua terdiri daripada kerja menggantikan kerusi, warna serta reka bentuk bilik.

Kerja menaik taraf juga juga memabatkan kerja membaiki bumbung, dan melengkapkan padang stadium dengan sistem yang mampu menyerap kelembapan padang. Sistem itu mampu mengeringkan padang hanya dalam masa kurang satu jam jika berlaku hujan lebat.

Stadium itu ditutup sementara oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mulai Disember tahun lalu dan fasa pertama dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini.

“Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan sejumlah peruntukan dalam usaha menjadikan Stadium Shah Alam sebagai stadium yang mempunyai kelengkapan setaraf dengan stadium terkenal di dunia.

“Kita berharap akan dapat menjadikan stadium ini tempat pertandingan memabatkan pasukan antarabangsa seperti Piala Asia dan pertandingan yang setaraf dengannya,” kata Menteri Besar.

Naik taraf kualiti kesukanan

Stadium Shah Alam sasar anjur Piala Asia



Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Jaafar Atan membawa Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Exco Belia dan Sukan, Dr Yunus Hairi meninjau proses perapian rumput stadium

Langkah terbaik untuk prestasi antarabangsa

SHAH ALAM - Kelab Peminat Anak Selangor (ASFC) menyokong langkah Kerajaan Negeri menaik taraf Stadium Shah Alam supaya setanding stadium antarabangsa kerana ia bakal meningkatkan kualiti permainan dilangsungkan di situ.

Presidennya, Mohd Faizal Wahid, 33, berkata, penambahbaikan itu juga tepat pada masanya kerana stadium dibuka pada 1994 itu adalah antara stadium utama di negara ini.

“Saya selaku Presiden AS-

FC menyokong perancangan Kerajaan Negeri ini. Dengan segala kemudahan di stadium dalam keadaan sempurna termasuk padang yang baik, ia pasti memberi semangat kepada pemain terutama pemain Selangor untuk beraksi cemerlang di stadium kebanggaan ini,” katanya.

Mohd Faizal berkata, perlawanan diatas medan yang berkualiti pastinya ditunggu penyokong tuan rumah dengan semangat berkobar.

Sementara itu, Faizal menyeru penyokong supaya mengawal tingkah laku dan bersama menjaga kemudahan disediakan demi kepentingan semua pihak.

“Bila barangan dan kemudahan di stadium jadi pecah-pecah, masalah akan dipikul Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) tetapi saya yakin penyokong Selangor tidak membuat perkara dilarang. Kalah dan menang adalah resam dalam sukan.”

REAKSI ORANG RAMAI

Saya sangat gembira dengan tindakan Menteri Besar yang sangat prihatin. Pada saya tindakan ini bukan sahaja memberikan keselesaan kepada penonton, malah turut menaikkan semangat pemain negeri untuk terus meningkatkan prestasi dan mempamerkan persembahan terbaik bila beraksi di stadium ini



Mohd Bunyamin Umar, 26.
Ketua Pasukan Selangor

Satu kemestian bagi Kerajaan Negeri untuk menaik taraf stadium ini kerana ia salah satu stadium terbesar di negara ini. Ia juga venue rasmi Selangor dalam liga bola sepak tempatan dan sering menjadi pilihan untuk pelbagai perlawanan antarabangsa seperti memabatkan pasukan Malaysia dan kelab luar negara



Nor Akma Badaruddin, 26.
Pegawai Malaysia Building Society Berhad (MBSB)